

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI**  
                  **[ SIBUTI ]**  
**TARIKH** : **26 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO.24**

**Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kerajaan telah mendapatkan input sepenuhnya daripada masyarakat berbilang kaum, kumpulan agamawan serta masyarakat Orang Asal di Sabah dan Sarawak mengenai isu perkahwinan bawah umur 18 tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan menangani isu perkahwinan bawah umur, Kerajaan telah mendapat input daripada beberapa siri sesi konsultasi dan perbincangan yang diadakan dengan pelbagai pihak seperti kementerian/jabatan Kerajaan, ahli akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, NGO, ahli agamawan dan wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak bagi memberikan gambaran situasi perkahwinan orang Islam, orang bukan Islam, orang asli dan perkahwinan adat di negeri masing-masing.

Pada tahun 2018, hasil konsultasi-konsultasi tersebut telah dibentangkan sebagai kertas cadangan menaikkan umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun dalam perundangan sedia ada kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 September 2018, *Pre-Council* Majlis Raja-Raja dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 16 Oktober 2018. Kerajaan-kerajaan negeri sedang meneliti cadangan tersebut dan sehingga kini, 5 negeri bersetuju untuk menaikkan umur minimum kepada 18 tahun (Pulau Pinang, Sabah, Johor, Melaka dan Perak), 5 negeri tidak bersetuju (Sarawak, Pahang, Terengganu, Perlis dan Negeri Sembilan), 2 negeri sedang meneliti cadangan (Kedah dan Kelantan), 1 negeri sedang membuat pindaan (Wilayah Persekutuan) dan 1 negeri telah membuat pindaan kepada 18 tahun (Selangor).

Tuan Yang di-Pertua,

Selain usaha dalam membuat pindaan ke atas perundangan sedia ada, pada tahun ini, Kerajaan akan menumpukan kepada usaha menangani punca-punca perkahwinan bawah umur seperti kemiskinan, ketiadaan kemahiran keibubapaan, keciciran daripada sistem pendidikan, ketiadaan atau kekurangan ilmu pendidikan kesihatan reproduktif dan stigma masyarakat terhadap kehamilan luar nikah atau budaya kahwin di bawah umur. Sehubungan itu, satu sesi meja bulat bersama *stakeholders* (pemegang taruh) yang terdiri daripada pelbagai disiplin telah diadakan

## SOALAN NO. 24

pada 25 Februari 2019 bagi membincangkan punca-punca tersebut serta langkah-langkah untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Justeru, saya ingin menyeru supaya ahli-ahli Yang Berhormat berserta NGO dan jabatan Kerajaan di negeri untuk sama-sama mengenal pasti kewujudan punca-punca tersebut dan merangka program atau aktiviti bersesuaian bagi mengelakkan peningkatan perkahwinan bawah umur di negeri masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH**  
**[ PETALING JAYA ]**  
**TARIKH** : **26 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO.31**

**Puan Maria Chin Binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada modul "*consent*" akan diperkenalkan dalam kursus kahwin di seluruh negara dan langkah Kementerian untuk menggalakkan wanita untuk melaporkan kejadian rogol dalam perkahwinan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak menyokong kepada mana-mana tindakan keganasan yang dilakukan terhadap mana-mana individu terutama kepada golongan rentan yang melibatkan wanita, kanak-kanak dan warga emas. Bagi isu 'rogol' dalam perkahwinan, seseorang suami seharusnya tidak menyakiti isteri secara fizikal mahupun mental. Justeru, amatlah penting kepada semua pasangan untuk diberi pengetahuan dan advokasi secukupnya dalam mendirikan rumah tangga.

Kementerian melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART. Kursus ini merupakan usaha pengukuhan institusi keluarga bermula di peringkat permulaan khususnya kepada yang akan berkahwin dan kepada mereka yang telah mendirikan rumah tangga dalam tempoh lima tahun. Modul dalam kursus ini disampaikan melalui empat bahasa pengantar iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Modul ini dibangunkan bagi memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pasangan yang baharu serta yang akan berkahwin tentang pelbagai aspek perkahwinan dan peranan keibubapaan bagi memberi sokongan psikososial kepada mereka yang akan menempuhi alam perkahwinan dan berumah tangga dengan sejahtera.

Kursus ini akan dijalankan dalam selama dua hari dan maksimum 25 pasangan diperlukan dalam satu kursus bagi membolehkan pasangan berinteraksi dengan lebih baik dan mendapat manfaat daripada kursus ini. Kursus ini mempunyai tujuh sesi termasuklah sesi membina kemesraan seksual.

Dalam konteks ini, pasangan akan diberi kemahiran bagaimana memupuk hubungan mesra (*intimacy*) antara pasangan secara berterusan seperti pelukan setiap kali bangun tidur, ciuman sebelum ke pejabat, pemberian kad ucapan dari semasa ke semasa, panggilan telefon, berpegangan tangan ketika menonton televisyen dan lain-lain.

## SOALAN NO. 31

Dalam keadaan sedemikian, kemesraan memainkan peranan sebagai sebahagian daripada hubungan seks itu sendiri. Sehingga tahun 2018 sebanyak 20 program telah dilaksanakan kepada 1,000 pasangan pelbagai etnik.

Kementerian ini juga turut melaksanakan beberapa program penghapusan keganasan terhadap wanita (*violence against women*) bagi tujuan memberi pendedahan dan advokasi kepada wanita untuk melaporkan sebarang bentuk keganasan seperti rogol agar tindakan perundangan dapat dilaksanakan.